

## **PERUBAHAN TARAF HIDUP MASYARAKAT : IMPAK TERHADAP ASPEK PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI**

Nurhidayah binti Mohd Hasidin  
nurhidayahhasidin@gmail.com

Mohd Isa Hamzah  
isa\_hamzah@ukm.edu.my

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Pendidikan merupakan salah satu cabang yang sangat penting dan ia menjadi satu keperluan kepada masyarakat kini. Hal ini kerana pendidikan merupakan dasar kepada pembangunan modal insan diri seseorang itu dalam menentukan hala tuju serta membentuk keperibadian diri masing-masing. Dengan memupuk sistem pendidikan yang berkualiti dalam diri seseorang individu, tidak mustahil ianya dapat mengubah kehidupan seseorang untuk melahirkan generasi yang mampu memenuhi aspirasi negara. Di Malaysia, jurang perbezaan taraf sosial dapat dilihat melalui pendapatan isi rumah yang mana ianya dikategorikan kepada 3 iaitu golongan B40, M40 dan T20. Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan perubahan taraf hidup masyarakat dari aspek pendidikan dan teknologi. Perkembangan teknologi yang semakin meluas pada era pasca modenisasi ini akan memberikan pelbagai kesan yang positif dan negatif kepada seseorang individu. Memandangkan negara kita sedang dalam Wawasan 2020, perkembangan teknologi pendidikan itu perlu dititikberatkan dalam pendidikan selaras dengan Revolusi Perindustrian IR 4. Kertas konsep ini akan membincangkan definisi golongan perbezaan taraf sosial, isu-isu yang berbangkit, kesan perubahan taraf hidup masyarakat dari aspek pendidikan dan teknologi serta langkah-langkah bagi meningkatkan perubahan taraf hidup masyarakat. Saya berharap agar ianya akan menjadi maklumat tambahan untuk membantu pelbagai pihak khususnya kerajaan dalam memastikan hasrat untuk membangunkan negara dalam bidang pendidikan dan teknologi dapat dikekalkan dan ditambah baik di samping dapat menaikkan nama negara di mata negara luar.

Kata kunci : *Perubahan taraf hidup, pendidikan, teknologi.*

### **Pengenalan**

Teknologi maklumat telah menjadi satu keperluan dalam kehidupan seseorang sama ada mereka berada di luar bandar maupun kawasan bandar pada era pasca modenisasi ini. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pelbagai faedah jika kita menggunakan teknologi dengan kaedah yang betul. Perubahan dari segi kecanggihan teknologi ini telah menyebabkan kemajuan dalam bidang pendidikan dan teknologi maklumat di Malaysia. Sesungguhnya, perubahan yang berlaku dalam kehidupan akan memberikan manfaat kepada bidang pentadbiran dan pengendalian operasi sistem negara demi mencapai ke arah negara-negara membangun memandangkan negara telah menuju Wawasan 2020 yang sedang dicapai matlamatnya oleh pemimpin negara.( Mahadir Ahmad.2014)

Sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kini mengadaptasikan teknologi dalam menyampaikan pengajarannya kepada pelajar menyebabkan seseorang yang bergelar pendidik itu perlu bergerak seiring dengan peredaran masa dan perlu memperkembangkan ilmu yang ada dalam diri mereka lebih-lebih lagi berkaitan dengan teknologi maklumat. Hal ini adalah kerana jika mereka tidak menambahkan ilmu dalam teknologi, nescaya mereka akan ketinggalan dan tidak dapat menyampaikan ilmu dengan pelbagai kaedah teknologi moden yang akan menyebabkan pelajar tidak dapat mengadaptasi teknologi sepenuhnya dalam pembelajaran mereka. (Brian P. Sutton Spring 2013.) Dalam persekitaran pendidikan yang kaya dengan teknologi komunikasi maklumat. Guru dan pihak pengurusan sekolah harus memainkan peranan utama sebagai ejen perubahan..

Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah berusaha membawa pembangunan ke kawasan luar bandar bertujuan menggalakkan kemajuan di sesuatu kawasan dan menyaksikan proses perbandaran luar bandar itu bermula. Usaha ini dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan desa ke bandar.

## **Definisi Konsep**

### **Miskin**

Kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang terjadi bukan atas kehendak dan kerelaan setiap isi rumah miskin. Seseorang yang mempunyai kurang pendapatan untuk membeli kelengkapan asas harian, kekurangan dari segi makanan dan pakaian, tidak mempunyai harta benda dan tidak mempunyai pendapatan tetap yang boleh menampung kehidupan sehari-hari seseorang individu tersebut.

Konsep kemiskinan di negara ini sangat sinonim dengan masyarakat Melayu sejak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Orang yang mula-mula sekali berani menimbulkan masalah kemiskinan di negara ini pada zaman penjajah dahulu adalah Zainal Abidin bin Mohamed atau lebih dikenali dengan nama Za'ba melalui tulisannya dalam surat khabar *Malay Mail* pada tahun 1923 (Aziz, 1975). Ishak (1996) mendefinisikan sebagai "satu keadaan apabila sesebuah isi rumah tidak memperolehi pendapatan yang cukup bagi menampung sejumlah perbelanjaan untuk keperluan asas yang minimum seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan asas bukan makanan".

Townsend (1979) mendefinisikan kemiskinan sebagai "individu, keluarga dan kelompok penduduk dikatakan dalam keadaan kemiskinan apabila mereka kekurangan sumber-sumber untuk mendapatkan jenis makanan yang baik, tidak berupaya untuk berinteraksi dengan masyarakat dan tidak memiliki corak kehidupan dan kemudahan yang biasanya diperolehi oleh masyarakat di mana mereka menetap".

## **Golongan Bangsawan**

Golongan ini merupakan golongan kelas sosial yang paling tinggi taraf kehidupannya yang kebiasaannya penempatan mereka berada di kawasan bandar. Menurut hasil penyelidikan kaji selidik kemudahan asas dan pendapatan isi rumah 2019 dari JSM, kumpulan T20 mempunyai pendapatan isi rumah median yang sekurang-kurangnya RM13,148. (Haryati Shaffi & Nurasyikin Miskam.2014)

## **Pendidikan**

Dewasa kini, pendidikan boleh didefinisikan berdasarkan sudut pandangan awam dan juga pandangan ahli pendidikan. Dari sudut pandangan awam, pendidikan didefinisikan sebagai satu

cara untuk mengembangkan keterampilan, kebiasaan dan sikap-sikap yang diharapkan dapat membuat seseorang menjadi warganegara yang baik. Dari segi sudut pandangan ahli-ahli pendidikan pula, pendidikan didefinisikan sebagai satu usaha yang dilakukan oleh orang dewasa untuk mendidik anak-anak didik dalam mengatur moral mereka agar berlandaskan kehendak yang betul. (Brian P. Sutton Spring 2013.) Terdapat juga beberapa definisi pendidikan mengikut tokoh-tokoh tersohor. Antaranya ialah Plato mengatakan pendidikan ialah proses membentuk individu yang berakhhlak mulia dan tujuan pendidikan ialah memberi latihan moral kewarganegaraan yang baik. Aristotal pula mendefinisikan ilmu yang bersifat etikal dan politikal bertujuan memberikan setiap warganegara peluang untuk mencapai kebahagiaan hidup. (John Hirrey. 2016)

### **Isu Berbangkit Berkaitan Perubahan Taraf Hidup Sosial Masyarakat**

Perubahan sosial akan sentiasa berlaku dan berterusan yang mana perubahan tersebut tidak semestinya melambangkan kemajuan sesuatu bangsa, bahkan ia juga boleh melambangkan kemunduran sesuatu bangsa atau kaum. Anjakan kemajuan yang dilalui hari ini telah mengubah peradaban manusia. Anjakan kemajuan dalam aspek kerohanian dan kebendaan, aspek ilmu pengetahuan dan akhlak, aspek ekonomi dan sosial, aspek sains dan teknologi, aspek kesenian dan kebudayaan, dan seterusnya melahirkan bentuk perubahan sosial yang pelbagai. (Law Yi Xian. 2018.)

Isu utama adalah jurang pendidikan antara masyarakat bandar dan luar bandar. Ianya meliputi pendapatan isi rumah masyarakat dan peluang pekerjaan. Masyarakat luar bandar kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, mereka juga tidak memenuhi syarat keperluan dan kehendak pendidikan dalam sektor pekerjaan. Kadar kemiskinan masih tinggi di beberapa kawasan IADP di Malaysia manakala kemiskinan petani luar bandar yang terdiri daripada pekebun kecil, nelayan dan penoreh getah adalah sebanyak 16.4% berbanding dengan sektor-sektor yang lain. (Hassan N.Khalid.2012).

Melihat kepada trend ini yang tidak berubah sejak 30 tahun lalu, jurangkekayaan bumiputera dan Cina dijangka akan terus melebar pada masa akan datang. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia telah banyak melancarkan dasar ekonomi untuk kesejahteraan rakyat. Ianya telah bermula dengan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dilancarkan pada tahun 1970, seterusnya DPN, MEB, Wawasan 2020 dan terkini Wawasan Kemakmuran Bersama 2019. Semua dasar ekonomi ini adalah bertujuan untuk menyusun semula ekonomi masyarakat dan merapatkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik. Malangnya semua usaha ini masih gagal mencapai apa yang sepatutnya dicapai sejak berakhirnya DEB pada 1990. Punca kegagalan kepada setiap dasar ini adalah kerana kelemahan terhadap perlaksanaan dasar-dasar. (Law Yi Xian. 2018)

Terdapat teori yang boleh dikelaskan mengenai sebab yang boleh dikeluarkan akibat daripada kegagalan perlaksanaan dasar-dasar tersebut. Teori pertama ialah ada pandangan yang mengatakan jurang pendapatan antara kumpulan bumiputera dan cina semakin melebar kerana orang Melayu malas dan Cina rajin. Ini berkaitan teori sikap kumpulan etnik. Tun Mahathir Mohamad adalah antara tokoh yang sangat kuat memegang teori ini. Beliau percaya kemiskinan bangsa Melayu kerana mereka malas dan kekayaan bangsa Cina kerana mereka rajin. Pihak kolonial Inggeris juga mempunyai pandangan yang sama lebih awal daripada itu. Atas asas 'Melayu malas' inilah maka penjajah membawa masuk ribuan imigran dari China dan India untuk mengusahakan lombong bijih dan ladang getah di Tanah Melayu. (Mahadir Bin Ahmad.2014.)

Teori kedua berkaitan jurang pendapatan Bumiputera dan Cina semakin melebar ialah orang Melayu sejak sekian lama berada dalam sektor ekonomi tidak produktif. Teori ini menolak teori Melayu iaitu malas. Sejak sekian lama orang Melayu majoritinya adalah petani, nelayan dan

bekerja kampung. Kemudian mereka diaturkan oleh sistem ekonomi untuk berada dalam sektor kerajaan dan makan gaji. Perkara yang perlu dilakukan bagi membendung agar ianya terus berleluasa ialah dengan meningkatkan sektor pertanian menjadi sector ekonomi yang produktif. (Mahadir Bin Ahmad.2014)

### **Kesan Perubahan Taraf Hidup Masyarakat Terhadap Aspek Teknologi Dan Pendidikan**

Malaysia telah menjalani proses pertumbuhan ekonomi yang pesat semenjak zaman 1970-an yang mana negara telah menjadi sebuah negara yang dikenali dan membangun ketika zaman 1980-an. Namun demikian, ianya tidak hanya mempunyai kesan positif setara dengan perubahan dunia yang sedang membangun ini. (Radieah Mohd Nor .2013). Oleh yang demikian, setiap kemajuan yang telah dirancang di muka bumi ini sepatutnya mengambil kira dari segi aspek ekonomi, teknologi dan pendidikan. Seorang tokoh terkenal, Ibn Khaldun yang merupakan seorang yang mempelopori bidang sosiologi telah mengkaji pembangunan sosial dalam sesbuah kelompok masyarakat.

Pendidikan mempunyai kepentingan sosial yang besar terutama kepentingan sosial yang besar terutama dalam masyarakat perindustrian yang moden dan kompleks. Ini merupakan salah satu sumber yang kuat yang mana seseorang itu dapat mengetahui maklumat yang terkini untuk diperolehnya. Hal ini telah menyebabkan ianya memberi kesan yang positif terhadap masyarakat. Peranan pendidikan sebagai agen perubahan sosial telah digunakan secara meluas dalam masyarakat pada masa kini yang mana Malaysia sedang berada pada era pasca modenisasi. Perubahan sosial kepada aspek pendidikan juga dapat dilihat dari segi pandangan dan sikap seseorang individu. (Mahadir Ahmad.2014)

Sistem pendidikan yang wujud pada masa dahulu bersifat mekanisme yang mana ianya tidak dapat mengembangkan diri pelajar malah ianya mengekang pemikiran pelajar dari aspek teknologi dan pembelajaran kendiri. Namun begitu, dengan wujudnya pembelajaran sistem pendidikan abad ke 21. Pembelajaran abad ke 21 ini mempunyai banyak kelebihan kepada tenaga pengajar dan pelajar-pelajarnya. Pada masa kini, pendidikan telah berada di dalam fasa pembelajaran yang mana pembelajaran ini lebih berpusatkan kepada murid. Pendidikan ini mendominasikan 4K dalam pembelajaran iaitu elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kreatif dan kritis. Selain itu, ianya juga menerapkan konsep adab-adab untuk melahirkan seseorang individu yang cemerlang dari segi akademik mahupun sahsiahnya bukan hanya cemerlang dari akademik sahaja tetapi sahsiah mereka terabai.( Amir Mohd Nason et.al 2019)

Untuk melahirkan individu muslim yang cemerlang dari sudut akademik dan sahsiahnya, guru-guru perlu bekerjasama dalam menggunakan unsur-unsur adab dan keagamaan secara lebih teratur dan sistematik. Guru-guru juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam melahirkan insan yang cemerlang dari kedua-dua sudut iaitu pendidikan dan adab agar negara kita dapat seimbangkan kedua-duanya untuk melahirkan warganegara yang baik serta pencapaian akademik yang cemerlang. ( Dalam sesbuah sekolah, guru Pendidikan Islam merupakan guru yang sentiasa dicari-cari oleh pentadbir mahupun murid-murid jika mempunyai masalah-masalah yang berkaitan dengan sosial pelajar,penghayatan cara hidup Islam dan unsur-unsur yang berkaitan dengan kerohanian kerana dikatakan mereka lebih arif berkaitan ini. Seharusnya guru-guru akademik juga perlu faham dan mengamalkan tugasannya sebagai seorang pendidik, seperti memahami kurikulum, mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang yang diajar, kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar pada era modenisasi ini.( Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et.al 2018)

Selain itu, masalah peluang pekerjaan pada masa kini dan dahulu telah dapat ditangani dari semasa ke semasa. Jika kita lihat pada masa lalu, peluang pekerjaan sangat terhad yang mana ianya

hanya membuka peluang kepada mereka yang berada di bandar sahaja dan diberikan kepada golongan bangsawan. Namun demikian, pada era modenisasi sebelum berlakunya pandemic Covid 19 peluang pekerjaan telah banyak dibuka kepada mereka yang berada di kawasan pendalaman. Masyarakat orang asli juga telah diberikan peluang pekerjaan dan pendidikan seiring dengan taraf pendidikan mereka. Pendidikan juga merupakan kaedah asas kemajuan dan pembaharuan sosial.(Amir Mohd Nason et.al.2019). Ianya telah membimbing anak-anak ke arah nilai-nilai baru dan membantu pengembangan kecerdasan dan meningkatkan potensi masyarakat untuk transformasinya sendiri. Pendidikan telah dianggap sebagai instrument perubahan sosial dan pembangunan sosial yang paling kuat dan berkesan pada masa sekarang.

Dengan pendidikan, ianya juga dapat meningkatkan produktiviti dan kreativiti seseorang serta mempromosikan keusahawanan dan kemajuan teknologi. Di samping itu, ianya juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kemajuan ekonomi dan sosial dalam meningkatkan pengagihan pendapatan seseorang.( Roslinda Murad.2018. ) Pendidikan memainkan peranan utama dalam membasmi kemiskinan dengan memberi akses kepada peluang pekerjaan yang berbeza. Sistem pendidikan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk memasukkan perubahan yang diinginkan agar dapat mengatasi perubahan yang ada dalam masyarakat sekarang. Sistem pendidikan harus dibuat lebih praktikal daripada memberikan pengetahuan teori semata-mata. Pengetahuan dari aspek praktikal juga penting diberikan kepada seseorang individu untuk meningkatkan asas kemahiran yang terdapat dalam diri seseorang. Dengan cara ini, ianya dapat mengetahui perbezaan kemahiran yang terdapat dalam setiap individu untuk diasah supaya dapat menjadi generasi yang berwawasan dan membanggakan negara pada masa akan datang.( Roslinda Murad.2018.)

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kuat dan ia mengubah proses pembelajaran dan pengajaran di mana pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan dengan cara yang aktif dan terarah. ICT tidak hanya dianggap sebagai alat yang dapat ditambahkan untuk kaedah pengajaran yang ada tetapi ianya juga dilihat sebagai instrumen penting untuk menyokong cara baru proses pengajaran dan pembelajaran. (Siwar Chamhuri.2019. ) Pada abad ke-21 ini, istilah "teknologi" adalah isu penting dalam banyak bidang termasuk pendidikan. Ini kerana teknologi telah menjadi arus pemindahan pengetahuan di kebanyakan negara. Hasil daripada bidang pendidikan dengan melakukan penciptaan teknologi dapat meningkatkan mutu produk pertanian seperti koko,kelapa sawit, getah dan padi yang mempunyai permintaan tinggi dan menyumbang kepada KDNK negara. Selain itu, petani juga tidak lagi bergantung dengan sistem pertanian tradisional yang kurang memberi impak kepada perubahan taraf ekonomi mereka. Pemanfaatan Teknologi Informasi Komunikasi pada sector pertanian akan menjadi pemicu dalam menciptakan peluang untuk pembangunan pertanian dan ekonomi sehingga terjadinya pengurangan kemiskinan. ( Tengku Sarina Ali et.al. 2018).

Perubahan sosial bermaksud perubahan dalam struktur sosial yang mana ianya terdiri daripada sifat, institusi sosial, tingkah laku sosial atau hubungan sosial masyarakat, komuniti dan sebagainya. Pendidikan dan perubahan sosial saling berkaitan. Kedua-duanya mempunyai kepentingan yang sama untuk pertumbuhan dan perkembangan masyarakat. Pendidikan dan perubahan sosial adalah proses dua hala. Walaupun pendidikan bertanggungjawab untuk pemeliharaan, penyebaran dan penyebaran keseluruhan budaya, perubahan sosial adalah instrumen dan prasyarat pemikiran pendidikan. Pendidikan memulakan perubahan sosial dan memberi mereka arah dan tujuan. Pendidikan mempersiapkan individu untuk perubahan sosial. Pendidikan menentukan sifat perubahan sosial, yang seharusnya berlaku. Pendidikan adalah instrumen yang paling kuat untuk membawa revolusi sosial. Pendidikan perlu dititik beratkan sejak

dari peringkat usia kanak-kanak lagi. Ini adalah kerana ianya satu-satunya kaedah untuk membawa perubahan sosial yang diinginkan dalam masyarakat.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa Ibn Khaldun memang telah meninggalkan impak yang cukup besar kepada program pembangunan masyarakat, seperti yang terkandung di dalam disiplin sosiologi. Ketokohnnya ini telah diakui oleh sebahagian besar daripada kalangan sarjana moden, termasuklah sarjana Barat sendiri. Ia sering dikaitkan sebagai pengasas utama ilmu sosiologi yang mengkaji struktur sosial di dalam sesuatu masyarakat. Bahkan, dalam banyak hal ketokohnya telah disamakan dengan Ibn Rushd, yang membawa paradigma pemikiran saintifik untuk ilmu S&T (Sains dan Teknologi) moden yang mempengaruhi perkembangan Renaissance (kesedaran baru berdasarkan pembangunan ilmu saintifik) di dalam masyarakat Barat (Hassan Ahmad 2006).

### Kesimpulan

Pendidikan merupakan salah satu cabang yang sangat penting dan ia menjadi satu keperluan kepada masyarakat kini. Hal ini kerana, pendidikan merupakan dasar kepada pembangunan modal insan diri seseorang itu dalam menentukan hala tuju serta membentuk keperibadian diri masing-masing. Menurut Talhah (2017), melahirkan generasi yang mampu memenuhi aspirasi negara terbentuk daripada sistem pendidikan yang berkualiti dan juga keberkesanannya pengajaran guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar

Oleh itu, peranan ibubapa dalam mencorakkan pendidikan anak-anak mereka adalah penting. Tahap ekonomi keluarga seperti tahap kekayaan atau kemiskinan juga memberi kesan terhadap pencapaian anak-anak di sekolah. Paling penting ialah komitmen ibu bapa dan guru yang boleh dikelasifikasikan sebagai usaha dan ikhtiar paling efektif dalam menempa, mengukir, dan menjana kecemerlangan pelajar.

Teknologi dalam bidang pendidikan perlu diterapkan sejak dari awal persekolahan iaitu melalui pengenalan mata pelajaran teknologi maklumat bermula dari sekolah rendah lagi. Hal ini adalah kerana melalui pendidikan, akan berlakunya banyak penciptaan teknologi yang sekaligus dapat membantu mengubah taraf kehidupan seseorang.

Secara keseluruhannya, perubahan taraf hidup sosial banyak memberikan impak positif kepada guru dan pelajar dalam merealisasikan pembelajaran abad ke-21 ini. Hal ini kerana, pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran abad ke 21 ini lebih berpusatkan kepada murid dan ia juga mampu mengasah bakat pelajar daripada pelbagai aspek. Oleh itu, seharusnya pendekatan teknologi ini harus diperluaskan lagi supaya guru, ibu bapa dan anak-anak mereka dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari agar ianya standing dengan perubahan teknologi yang kini telah kearah Revolusi Perindustrian ke 4 (IR4).

### Rujukan

- Brian P. Sutton Spring 2013. *The Effects of Technology in Society and Education*. Thesis University of New York College .
- Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam. Pembentukan Penunjuk dan Indeks Kualiti Hidup Bagi Mengukur Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor.
- Hassan N. Khalid. *Perspektif Journal Vol.4, No.1 (1-21). Satu Analisis Mengenai Dikotomi Antara Kemiskinan Bandar Dan Luar Bandar Di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- John Hirrey. 2016. Perubahan – Perubahan yang berlaku semasa Zaman Kemuncak Pertengahan di Eropah. Universiti Malaya.
- Kartini Abu Khalid @Talib.2016. Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. Akademika.65-78.

- Law Yi Xian. 2018. *The Impact of Parental Sosioeconomic status and Parental Involvement on Young Children.* Universiti Malaya.
- Mahadir Bin Ahmad.2014. *Perubahan Sosial Generasi Kedua Felda Daripada Aspek Ekonomi. Satu Kajian Kes Di Felda Sungai Sibol, Johor.* Disertasi Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen. 2009. *Status Sosio Ekonomi Dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. 14th International Conference on Education.* Brunei.
- Mohd Aqmin Abdul Wahab Hazrul Izuan Shahiri Mustazar Mansur Mohd Azlan Shah Zai) 2018 Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkat.. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 52(1) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Radieah Mohd Nor .2013. Perbandingan Tentang Konsep Kemiskinan: Antara Pendekatan Konsep Konvensional Dan Islam. *Jurnal Kemanusiaan, Bil. 21, Jun / Disember 2013.*
- Roslinda Murad.2018. Inovasi Dalam Pendidikan Meningkatkan Perkembangan Budaya. *International Conference ASBAM 2018.* Lombok, Indonesia.
- Rosniza Aznie Che Rose. 2010. Peningkatan Pendidikan Menjejaskan Fertiliti Penduduk Tempatan: Konfirmasi Dari Pembangunan Besut Baru, Terengganu.. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siwar Chamhuri.2019. Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) Di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu Dan Cabaran.Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian.2019. Noor Mohamad Shakeel Hamid.Misi Rapatkan Jurang Golongan Miskin Kaya.<https://www.bharian.com.my/misi-rapatkan-jurang-golongan-miskin-kaya>(25 September2020).